



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

**KERATAN AKHBAR  
07 MEI 2019 (SELASA)**



**DISEDIAKAN OLEH :  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	MPSJ PERKENAL BAYAR PARKIR GUNA APLIKASI PINTAR
MUKA SURAT	62

# MPSJ perkenal bayar parkir guna aplikasi pintar

**Subang Jaya:** Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) memperkenalkan sistem pembayaran parkir menggunakan aplikasi sebagai alternatif terhadap pembayaran menggunakan kupon atau mesin.

Yang Dipertua MPSJ, Noraini Roslan, berkata MPSJ komited dalam meningkatkan efisiensi penyampaian perkhidmatan dan tahap kecekapan pengurusan perkhidmatan kepada orang awam dengan memperkenalkan aplikasi pintar iaitu Smart Selangor Parking (SSP) dan Parkbyphone (PBP).

Katanya, kedua-dua aplikasi pembayaran parkir itu membolehkan setiap transaksi pembayaran dapat diimbas oleh anggota penguatuwa menggunakan peranti disediakan.

“Sehingga kini, MPSJ mempunyai 79,853 petak parkir yang ditawarkan dan 60 peratus daripadanya adalah parkir di kawasan komersial manakala bakinya kawasan perindustrian.

“Caj parkir hanya dikenakan di kawasan komersial saja justeru dengan pelaksanaan aplikasi ini pengguna di MPSJ akan mempunyai pelbagai pilihan untuk membayar caj parkir seperti menggunakan mesin, aplikasi, kupon gores

atau pas bulanan.

“Selain itu, Godell Parking turut menyediakan terminal pembayaran parkir tanpa tunai di lapangan bagi memenuhi keperluan pengguna yang tidak mempunyai akses telefon pintar,” katanya pada Majlis Pelancaran Sistem Aplikasi Pintar Letak Kereta MPSJ, di sini semalam.

Inisiatif ini adalah kerjasama ini antara MPSJ dan Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) dan Godell Parking Sdn Bhd.

## Kemudahan rakyat Selangor

Turut hadir, Pengurus Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Kampung Baru Negeri Selangor, Ng Sze Han dan Pengarah Urusan SSDU, Dr Mohammad Fahmi Ngah dan Pengarah Eksekutif Bahagian Perniagaan Letak Kereta Godell Parking Sdn Bhd, Md Jaki Omar.

Sementara itu, Sze Han yang merasmikan majlis berkenan turut melihat inisiatif berkenaan mencerminkan komited kerajaan Negeri menyediakan kemudahan kepada rakyat Selangor.

“Kewujudan aplikasi pintar ini berjaya meningkatkan fenomena mesra pengguna, infrastruktur



Sze Han (dua dari kanan) bersama Noraini (dua dari kiri) pada Majlis pelancaran Sistem Aplikasi pintar letak kereta MPSJ di Subang Jaya, semalam.

yang selesa dan yang paling utama pembangunan sebuah lapisan digital bagi memastikan tahap perkhidmatan awam yang cekap bagi penduduk dalam dan luar bandar.

“Ini juga selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk merealisasikan Selangor sebagai ‘Negeri Pin-

tar’ terulung di peringkat ASEAN menjelang 2025,” katanya.

Selain MPSJ, aplikasi sistem pintar itu turut digunakan enam pihak berkuasa tempatan (PBT) lain, termasuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Bagaimanapun, caj parkir yang dikenakan berbeza bagi setiap PBT. Bagi MPSJ, kadar dikenakan RM0.50 sejam; RM4 untuk sehari dan RM80 untuk bayaran parkir sebulan.



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	REKA BENTUK MODEN MASJID AR-RAUDHAH
MUKA SURAT	46

**RUANG solat dua tingkat Masjid Ar-Raudhah di Puncak Perdana, Shah Alam, Selangor.**

Kemudahan mampu tampung keselesaan 2,000 jemaah

# Reka bentuk moden Masjid Ar-Raudhah

**Isu Rakyat**

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL  
utusankota@gmail.com.my

■ SHAH ALAM 6 MEI

**R**AMADAN tahun ini membawa seribu makna buat umat Islam khususnya yang menetap di sekitar kawasan Puncak Perdana apabila Masjid Ar-Raudhah di Seksyen U10 di sini siap dibina. Jika sebelum ini, umat Islam di sekitar kawasan itu terpaksa bersesak untuk menuaikan solat terutama ketika solat Jumaat di surau Al-Ikhwan, kini para jemaah dapat menuaikan ibadah dengan lebih selesa. Selain penduduk, rumah ibadat itu juga memberi manfaat kepada warga Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Cawangan Puncak Perdana dan Kampus Utama Puncak Alam kerana lokasinya yang berhampiran. Masjid yang dibina di atas tapak seluas lebih 1.8 hektar dan menelan belanja hampir RM14 juta itu mula digunakan sejak Khamis lalu dan merupakan masjid ke-425 di negeri ini dan ke-87 di daerah Petaling Jaya. Masjid Ar-Raudhah yang menampilkan reka bentuk moden dan menarik mempunyai dua tingkat ruang solat, selain dilengkapi dengan ruang solat limpah, bilik mesyuarat, pejabat, bilik pengurusan jenazah dan kemudahan meletakkan kenderaan yang selesa. Kapasiti penuh masjid ini dikatakan mampu menampung seramai 2,000 jemaah pada satu-satu masa.

Kos pembinaan masjid ditanggung oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), YAYASAN Al-Bukhary dan sumbangan wakaf daripada ahli kariah. Sementara itu, Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor, Datuk Ir. Ruslan Abdul Aziz berkata, reka bentuk Masjid Ar-Raudhah dibuat sendiri oleh arkitek JKR dengan inspirasi reka bentuk masjid di timur tengah. Jelasnya, masjid itu dibangunkan oleh Gabungan APS Holdings Sdn. Bhd. dengan proses pembinaan yang dimulakan pada 23 November 2015 sebelum siap sepenuhnya pada 30 April lalu. "Skop utama kerja adalah membina satu blok bangunan merangkumi ruang mimbar, mihrab, ruang solat, bilik-bilik untuk kegunaan operasi masjid, tandas, dataran, tempat letak kenderaan, rumah sampah dan TNB Compact-Sub.

"Walaupun ada sedikit kekangan pada awalnya tetapi yang penting, masjid ini dapat disiapkan dengan bantuan semua pihak," ujarnya.

REKA BENTUK MODEN MASJID AR-RAUDHAH



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	5 LAGI MASJID DIBINA TAHUNINI
MUKA SURAT	47

## 5 lagi masjid dibina tahun ini

**SHAH ALAM 6 Mei** - Lima lagi masjid akan dibina di negeri ini bagi tahun 2019 untuk menampung keperluan penduduk yang semakin meningkat di Selangor dan mengembangkan syiar Islam.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kassim berkata, kerajaan negeri memperuntukan sejumlah dana yang besar pada setiap tahun untuk pembinaan masjid.

"Bagi Masjid Al-Raudhah di Puncak Perdana ini, pastinya kariah di sini amat lega

kerana masjid ini siap sebelum Ramadan untuk keselesaan jemaah menunaikan solat fardu dan terawih.

"Ia adalah sebahagian daripada komitmen kami, kerajaan negeri serta seluruh umat Islam dan sama-sama kita berdoa agar lima buah masjid lagi dapat dibina tahun ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mengulas lanjut, Haris berkata, masjid adalah medium penyatuan dan berharap dengan adanya kemudahan berkenaan, ia dapat

dimanfaatkan sepenuhnya untuk aktiviti pengimaran yang akan menyatu dan menterbihakan ummah.

"Elakkan sama sekali segala ruang yang boleh membawa fitnah dan perpecahan yang akhirnya menjelaskan peranan serta fungsi masjid.

"Malah, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah selaku Ketua Agama Islam negeri selalu menegaskan agar institusi masjid dapat menggalas tanggungjawab untuk membina perpaduan serta kesatuan ummah," jelasnya.



# KERATAN AKHBAR 07 MEI 2019 (SELASA)



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	MDHS HARGAI 35 KAKITANGAN MENERUSI APC
MUKA SURAT	47



## MDHS HARGAI 35 KAKITANGAN MENERUSI APC

SERAMAI 35 kakitangan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) diraikan dalam majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018 di Setia Eco Templer's di sini, baru-baru ini.

Majlis dianjurkan setiap tahun itu bertujuan menghargai jasa dan komitmen kakitangan yang mencapai prestasi cemerlang selain mengangkat peranan MDHS sebagai pihak berkuasa tempatan yang memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat, khususnya warga Hulu Selangor.

Yang Dipertua MDHS, Shukri Mohamad Hamin

berkata, penerima dipilih melalui tapisan dan kriteria ditetapkan Panel Pembangunan Sumber Manusia MDHS dan perakuan Pengarah Jabatan serta ketua Bahagian masing-masing.

"Melalui pengiktirafan ini diharap menjadi pendorong serta menyuntik semangat kepada kakitangan untuk terus berkhidmat dengan lebih baik, berkualiti dan menjadi contoh kepada rakan sekerja lain," ujarnya.

Majlis penyampaian anugerah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri, Zamani Ahmad Mansor.



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	MBSA, FAS KUMPUL RM33,642 BANTU ANUAR
MUKA SURAT	70

70 | arena | 07-05-2019

## MBSA, FAS kumpul RM33,642 bantu Anuar

Faliq Lajim  
am@hmetro.com.my

**Shah Alam** Sejumlah RM33,642 wang berjaya dikumpulkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) melalui Tabung Legenda Anuar Abu Bakar.

Tabung itu dilancarkan bagi membantu Anuar iaitu bekas pemain bola sepak Selangor serta pasukan kebangsaan yang menghidap kanser hati tahap empat.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, wang itu berjaya dikumpul sejak ia dilancarkan pada 27 Mac sehingga 20 April lalu.

"Pihak MBSA berjaya mengumpul sejumlah RM17,000 untuk tabung berkenaan dengan mengedarkan lapan tabung di tiga perlawanan bola sepak serta dalam aktiviti anjuran pihak MBSA.

"Manakala, FAS berjaya mengumpul RM16,642 hasil kutipan RM1 bagi setiap tiket perlawanan bola sepak yang terjual dalam tiga perlawanan Selangor," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, sumbangan itu diserahkan kepada anak Anuar iaitu Amriq Shah Sharafuddin Idris Shah berkemana-

TENGKU Amir Shah berkenan menyampaikan cek RM33,642 yang dikumpulkan MBSA dan FAS melalui Tabung Legenda Anuar Abu Bakar yang menghidap kanser hati tahap empat kepada anaknya, Amriq Shah (kiri).

Liga Super diantara Selangor dan Melaka United pada Sabtu lalu di Stadium Shah Alam.

Raja Muda Selangor merangkap Presiden FAS, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah berkemana-

menyampaikan sumbangan berkenaan dan disaksikan Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Mohd Rashidi Ruslan.

Shahrin berkata, Anuar memerlukan bantuan bagi membantu menampung kos rawatan penyakit kanser berkenaan.

"Oleh demikian, atas sumbangan beliau dalam arena bola sepak, MBSA mengambil inisiatif melancarkan tabung itu dengan kerjasama FAS bagi membantu meringankan beban sepanjang tempoh rawatan.

"Pihak kami mengucapkan terima kasih kepada orang ramai yang bersama-sama membantu dengan menyalurkan sumbangan melalui tabung ini," katanya.



AKHBAR	KOSMO!
TAJUK BERITA	RAJA MUDA SELANGOR SANTUNI ANAK YATIM
MUKA SURAT	14

## Raja Muda Selangor santuni anak yatim

MELAKA - Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah semalam berkenan menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada 54 penerima di Rumah Anak Yatim Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (RAYSS), Tanjung Kling di sini.

Sumbangan itu adalah daripada Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dengan setiap penerima memperoleh wang tunai RM300 dan kupon membeli pakaian hari raya di Pasaraya Hari-Hari bermula RM100 setiap seorang.

Turut hadir pada majlis tersebut Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif YIDE, Nur Mohd Razali Abdullah berkata, sumbangan RAYSS pada tahun ini memasuki tahun kelima dan pihaknya telah memperuntukkan sebanyak RM16,200 berupa duit raya untuk disumbangkan kepada penerima.

Malah katanya, setiap tahun, pihak YIDE memperuntukkan sebanyak RM1.2 juta bagi menjayakan program tersebut. - Bernama



TENGKU AMIR SHAH (dua dari kiri) berkenan menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada anak-anak yatim di Rumah Anak Yatim Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Tanjung Kling, Melaka semalam.



## KERATAN AKHBAR 07 MEI 2019 (SELASA)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	SULTAN SELANGOR TITAH UMAT ISLAM IMARAHKAN MASJID
MUKA SURAT	20

### Sultan Selangor titah umat Islam imarahkan masjid

**SHAH ALAM** - Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah kepada umat Islam di negeri itu agar sentiasa mengimarahkan masjid dengan sebaiknya sepanjang Ramadan ini.

“Beta berharap sekalian rakyat memanfaatkan program-program agama yang dianjurkan, semoga Ramadan kali ini membawa seribu satu hikmah dan pengertian buat seluruh umat Islam,” titah baginda.

Titah baginda dikeluarkan Pejabat Diraja Selangor melalui laman Facebook semalam.

Baginda bersama Tengku Permaisuri *m/s-26* Norashikin turut mengucapkan selamat menyambut Ramadan dan menunaikan ibadah puasa kepada seluruh rakyat di Selangor khususnya dan rakyat Malaysia amnya.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	YAKINI JUALAN LEBIH RM 500,000
MUKA SURAT	21

# Yakin jualan lebih RM500,000

m/s - 21

Raya Bersama PKNS  
di Shopee' buka  
peluang 32  
usahawan perluas  
pasaran perniagaan

HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

P erbadanan Kemajuan Negara Selangor (PKNS) yakin dapat mencapai sasaran jualan melebihi RM500,000 melalui kempen 'Raya Bersama PKNS di Shopee' yang bermula pada 30 April lalu.

Ketua Pegawai Korporatnya, Siti Zubaidah Abd Jabar berkata, beliau optimis dapat mencapai matlamat itu ekoran jumlah jualan bagi tempoh dua hari kempen tersebut berlangsung sudah mencapai RM30,000.

Menurutnya, jumlah itu sudah melepas sasaran jualan harian yang ditetapkan pihaknya dan percaya ia akan terus meningkat dari semasa ke semasa sehingga akhir Ramadan nanti.

"Jadi tidak mustahil kita boleh capai lebih RM500,000 untuk tempoh sebulan, tambah lagi 32 usahawan yang terpilih menyertai kempen ini menawarkan hampir 1,000 produk lengkapnya hari raya termasuk pakaian, biskut serta produk kecantikan.

"Dengan 1,000 produk ini, kita amat positif ia (sasaran jualan) akan melebihi daripada itu memandangkan ini adalah permulaan," katanya pada sidang akbar selepas Majlis Pelancaran 'Raya Bersama PKNS di Shopee' di Ibu Pejabat PKNS di sini baru-baru ini.

Katanya, dalam keadaan eko-



Siti Zubaidah (empat dari kanan), Zed Li (enam dari kanan) bergambar bersama Rodziah (tengah) dan usahawan kempen 'Raya Bersama PKNS di Shopee'.

nomi yang agak perlilan, belibelah dalam talian menerusi kempen ini dilihat pilihan terbaik buat pengguna, selain dapat mengurangkan kos perbelanjaan lain seperti petrol dan bayaran parkir kereta.

"Dengan pembelian melalui Shopee ini, kita harap pembeli dapat berbelanja secara berhemah dan berhari raya dengan cergas," katanya.

Menurutnya, kempen tersebut merupakan kerjasama PKNS, Shopee dan Selangor Informational Technology E-Commerce Council (SITEC).

Siti Zubaidah berkata, beliau berharap dengan penyertaan 32 usahawan di bawah program PKNS Bizclub pada kempen kali ini akan dapat membuka peluang lebih besar kepada mereka pada masa akan datang.

"PKNS berperanan membuka jalan kepada mereka untuk me-

masarkan produk masing-masing.

"Selepas kempen berakhir, kita akan terus galakkan lebih ramai usahawan untuk serta jualan dalam talian melalui Shopee kita mahu kolaborasi itu turus diperkuuhkan," katanya.

Turut hadir pada majlis, Exco Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi, Rodziah Ismail dan Pengurus Perniagaan Shopee Malaysia, Zed Li.

Sementara itu, Zed Li berkata, pihaknya sangat berbesar hati dapat bekerjasama dengan PKNS dan SITEC menerusi kempen tersebut.

Menurutnya, kolaborasi tersebut adalah selaras dengan hasrat Shopee untuk menyokong agenda nasional bagi memperkenalkan golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) dan pertengahan (M40) melalui e-dagang dan keusahawanan.

"Sehingga Disember 2018, kami mempunyai kira-kira 450,000 penjual aktif di Malaysia dan berharap ia akan terus berkembang menerusi e-dagang yang semakin kukuh di negara ini."

"Shopee juga menyediakan pasukan khas untuk membantu usahawan kecil dan sederhana termasuk suri rumah dan pelajar bagi mendapatkan jualan dan berjaya menerusi platform ini," katanya.

Dalam pada itu, pasangan suami isteri, Hamidah Abdul Rahman, 31 dan suami, Mohd Hizami Mohd Yusoff, 35, yang merupakan antara usahawan terlibat dalam kempen tersebut menyifatkan penyertaan mereka sebagai peluang memperluaskan lagu pasaran produk.

Hamidah berkata, sebelum ini, mereka banyak mengusahakan jualan produk Mid's Choco Jar secara offline.

## info

- 32 usahawan PKNS BizClub
- Hampir 1,000 produk ditawarkan
- Untuk pembelian, layari <https://mall.shopee.com.my/seller/collections/240>



"Kita harap dapat memanfaatkan Shopee sebagai medium jualan online dengan lebih aktif," katanya.

Katanya, selepas kempen tersebut dijalankan sejak 30 April lalu, pihaknya mula menerima tempahan dari pelanggan, selain jumlah pengikut di Shopee juga semakin bertambah.

"Kita harap jumlah tempahan akan terus meningkat," katanya.



Zed Li (dua dari kiri), Rodziah (tengah), Siti Zubaidah (empat dari kiri) bersama usahawan menunjukkan aplikasi Shopee untuk jualan sepanjang kempen.



Siti Zubaidah (empat dari kanan), Zed Li (dua dari kanan) bergambar bersama Rodziah (tengah) dan kesemua usahawan yang terpilih menyertai kempen 'Raya Bersama PKNS di Shopee'.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	LESEN DITARIK JIKA INGKAR
MUKA SURAT	24

# Lesen ditarik jika ingkar

m/s-24

info

MPK tidak kompromi kesalahan sewakan lesen niaga kepada warga asing

AZIE YAHAYA

KLANG



AZHAR



Anggota penguatkuasa MPK sering turun padang menjalankan pemantauan di pasar pagi dan malam sekitar Klang.

Peniaga dan penjaja pasar pagi serta malam di daerah ini diingatkan supaya tidak menyewakan lesen perniagaan mereka kepada warga asing untuk mengaut keuntungan atas angin.

Pengarah Perlesenan dan Penjaja Majlis Perbandaran Klang (MPK), Azhar Samsudin berkata, bukan sahaja lesen ditarik balik, peniaga yang didapati terlibat juga tidak dibenarkan mendaftar bagi permohonan pada masa akan datang.

"MPK memandang serius keses penyalahgunaan lesen perniagaan dan tidak akan memberikan

peluang kedua kepada pemilik yang menyewakan lesen mereka kepada warga asing," katanya semalam.

Beliau berkata, pihaknya menubuhkan dua pasukan khas untuk membuat pemantauan bagi membendung kegiatan itu.

"Pasukan bagi Klang Selatan dan Klang Utara turun padang setiap hari bagi memantau dan menyemak peniaga serta penjaja.

"Sekiranya didapati ada peniaga warga asing menjalankan perniagaan menggunakan lesen pe-

niaga terbabit, kita akan membuat sitaan dan tidak akan memulangkan barang yang di rampas.

"Kita juga akan membatalkan lesen perniagaan terhadap individu yang menyewakan lesen mereka kepada warga asing, malah mereka juga tidak dibenarkan untuk bermula," katanya.

Beliau berkata, faktor mahukan keuntungan segera menyebabkan sesetengah pemilik lesen penjaja bertindak menyewakan tapak dan lesen mereka kepada warga asing.

"Kita tidak mengeluarkan sebarang lesen kepada peniaga warga asing. Kita memandang serius keses penyalahgunaan lesen perniagaan," katanya.

gaan," katanya.

Beliau turut mengingatkan pemniaga tempatan supaya memohon lesen perniagaan berikutnya ada segelintir mereka masih berdegil.

"Sekiranya gagal memperkenan lesen, mereka boleh dikenakan tindakan di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja MPK 2017 dan dikompaun sebanyak RM1,000.

"Tindakan diambil ini untuk menyedarkan mereka yang berdegil supaya mendapatkan lesen sah.

"Jika terdapat kekosongan tapak di pasar malam atau pagi, kita akan menawarkan kepada peniaga ini dengan syarat mereka dikehendaki memohon lesen terlebih dahulu," katanya.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	MPKLANG ROYAL TOWN WARRIOR HARUMKAN NAMA NEGARA
MUKA SURAT	24

## MPKlang Royal Town Warriors harumkan nama negara *m/s-24*

**KLANG** – Majlis Perbandaran Klang (MPK) mencipta sejarah tersendiri apabila pasukan ragbinya, MPKlang Royal Town Warriors menjuarai Kejohanan Ragbi Komodos 10s di Jakarta, Indonesia baru-baru ini.

Yang Dipertua MPK, Datuk Muhammad Yasid Bidin berkata, pasukan itu yang mewakili Kelab Ragbi Malaysia berjaya menewaskan kelab dari Indonesia, Bali Chilis 14-5.

“Kejohanan ini juga disertai beberapa kelab ragbi dari negara-negara Asia.

“Kita berasa bangga di atas pencapaian sehingga ke peringkat antarabangsa ini dan akan berusaha untuk

menyertai lebih banyak acara sebegini pada masa akan datang.

“Tahniah dan syabas diucapkan kepada pasukan ragbi MPKlang Royal Town Warriors serta kepada semua pengurusan tertinggi MPK, pengurusan pasukan, semua atlet dan urusetia terlibat,” katanya.

Beliau berharap kejayaan itu dijadikan pemangkin kepada semua warga MPK untuk terus berusaha dengan penuh komitmen serta konsisten.

“Selain itu, mereka perlu mempunyai idea yang kreatif serta inovatif demi kelangsungan kecemerlangan MPK pada masa akan datang,” katanya.



MPKlang Royal Town Warriors mengharumkan nama negara apabila menjuarai Kejohanan Ragbi Komodos 10s di Jakarta, Indonesia baru-baru ini.



## KERATAN AKHBAR 07 MEI 2019 (SELASA)



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	MBSA INITIATIVES
MUKA SURAT	2

### MBSA INITIATIVES

- Shah Alam City Council (MBSA) is offering up to 50% discount for specific compounds from May 6 to June 4. Parking compounds can be reduced to RM30.
- MBSA will be placing 164 'Roll on-Roll Off' bins around Shah Alam, from May 6 to May 22, for the public to dispose bulk waste. For details, call 03-5519 6402.
- MBSA's Shah Alam-On-Wheels will be stationed at the parking lot of Tesco Setia Alam, Section U13, Shah Alam on Saturday from 11am to 3pm. Visitors can file complaints, buy parking coupons, pay assessment and check outstanding compounds. For details, call 03-5522 2734.



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	MOTORISTS BEAR BURNT OF POOR PLANNING
MUKA SURAT	2



Hundreds of motorists from Elmina township and Kampong Kubu Gajah in Sungai Buloh who use Persiaran Atmosfera U5 to get to Subang Bestari are affected with the partial road closure.



Fathi says MBSA's action is causing inconvenience to regular road users.



Hanafi says Persiaran Atmosfera offers the shortest route for motorists heading to Subang Bestari, Elmina township, Kota Damansara and Subang Airport.

## Motorists bear brunt of poor planning

**MBSA move to close part of Persiaran Atmosfera in U5 Shah Alam causing daily hardship**

By EDWARD RAJENDRA  
[edward@thestar.com.my](mailto:edward@thestar.com.my)

THE closure of part of Persiaran Atmosfera U5 in Shah Alam has made the commute for hundreds of motorists difficult as those coming from Guthrie Corridor Expressway (GCE) are forced to make a U-turn and weave past schools and housing areas in Subang Bestari.

Shah Alam City Council (MBSA) had closed both stretches of the dual lanes, near the Petaling District Government Office Complex, with concrete blocks in 2017.

However, five months ago, locals used a tractor to dislodge them.

MBSA has again placed concrete blocks on both sides of the road and cemented them to the asphalt, forcing Help University and College students and others to drive in loops for a distance of 2.3km in order to enter Subang Bestari.

Those living in Subang Bestari claim that the partial closure of the road has led to a huge increase in vehicles using the smaller lanes that were never intended for large volumes of traffic.

Architect Fathi Jais said MBSA's action in closing off 1.1km of the road was done to get four housewives along Persiaran Atmosfera whose renovations had encroached onto the monsoon drain reserve, to push back their properties.

"MBSA must understand that applying pressure on these four housewives is causing hardship for hundreds of road users. It is not fair to motorists," he said.

Resident Abdul Razak Ismail, who had been using Persiaran Atmosfera, finds that the partial closure of the road will force motorists to now forced to enter and leave via Jalan Hemisfera.

"More vehicles go through Jalan Utamid U5/10, Jalan Nova U5/46, U5/63 and Persiaran Pelangi and exit Persiaran Uranus in Section U4, just to get to Help University or go further down to Star Avenue Mall. Vehicles also pass SMK Bestari and SK Bestari 2, posing danger to schoolchildren," he said.



Some local motorists brave the large potholes and even go over the road median to use Persiaran Atmosfera.





# KERATAN AKHBAR 07 MEI 2019 (SELASA)



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	MOTORISTS BEAR BURNT OF POOR PLANNING
MUKA SURAT	3



A crater-like pothole on Persiaran Atmosfera that MBSA has left unattended after the road closure.



Motorcyclists bypassing the barricade by going over the grass verge that has become muddy at Persiaran Atmosfera.

Carpenter and kitchen designer Hanafi Pandak, 30, said Persiaran Atmosfera was a much shorter route for those headed from GCE to the Rubber Research Institute and Help University and College in the Subang Bestari township, Elmira neighbourhood, Kota Damansara and Subang Airport.

"I was made to understand that MBSA's dispute with the four homeowners led to the decision to close off a part of the road and as a result, hundreds of road users are forced to take a longer route.

"If MBSA wants to build the

monsoon drain on the reserve to replace the current drain, off Persiaran Atmosfera, it must just address that issue with the help of the Petaling District and Land Office," he said.

Abdul Razak added that he had written to the Selangor government to order the reopening of Persiaran Atmosfera to ease the traffic flow but to no avail.

"MBSA has no reason as to why it cannot reopen the road but there has to be political will to do so," he said.

Khalid Aman, 52, said the partial

road closure has led to a number of accidents involving motorists from Elmira township who were forced to make a U-turn in front of the Petaling District and Land Office.

"Despite the closure, some motorists go over the road reserve to drive through," he said.

Abdul Razak added that MBSA had failed to see the impact of its hasty action with regard to traffic dispersal.

"While the council sorts out the issue of encroachment, it should repair the large crater-like pothole to allow traffic to go through Persiaran Atmosfera," he said.

MBSA Corporate Communications head Sharin Ahmad said Persiaran Atmosfera was closed as the road stretch was in bad condition and waterlogged due to the absence of proper drainage, in addition to putting motorists at risk.

"We are still waiting for the demolition of the houses to be carried out by Petaling District and Land Office that has encroached onto the drain reserve off Persiaran Atmosfera," he said.

Sharin added that the upgrade of Persiaran Atmosfera would be done by a private developer that was noted in the plan approval and only then the road will be opened to the public," he said.



Abdul Razak showing the sand mounds left on Persiaran Atmosfera in US Shah Alam.



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	ROTALLY IMPRESSED BY SEKINCHAN
MUKA SURAT	7

# Royally impressed by Sekinchan

Tengku Permaisuri Selangor makes day trip to coastal town with family and friends



Tengku Permaisuri Norashikin (centre) being briefed about padi farming by PLS Marketing Sdn Bhd managing director Allen Lim (right) while Ng looks on. — SAMUEL ONG/The Star

By VIJENTHI NAIR  
vijenthi@thestar.com.my

THE Tengku Permaisuri of Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin and her family and friends made a day trip to Sekinchan on Labour Day.

Sekinchan assemblyman Ng Suee Lim, who acted as their tour guide, said he was honoured to host Tengku Permaisuri Norashikin's second visit to the small town.

"Tengku Permaisuri Norashikin's first time here was two years ago, while accompanying Selangor Ruler Sultan Sharafuddin Idris Shah during an official visit.

"This time, Tengku Permaisuri requested for an informal visit so her family and friends could see the attractions in Sekinchan up close.

"Tengku Permaisuri is very happy to see how the thriving padi fields and fishing villages here are turning into tourist attractions.

"The entourage especially enjoyed visiting Ah Ma House, where they got to see how the Chinese make traditional local delicacies like *kuah kapit*, as well as shop for a variety of snacks and Sekinchan products," he said.

Ng said Tengku Permaisuri

Norashikin encouraged him to continue to push to make Sekinchan a tourist destination.

"The entourage also noted the friendly culture of the people here. We did not publicise her visit as it was informal, but those who happened to see Tengku Permaisuri made it a point to greet her.

"Sekinchan has its own unique features to offer, like the exotic food such as Belankas and Ayam Hutan in Lembah Bernam Restaurant, which everyone attests is like no other," said Ng.

The entourage also visited Wisma Masri in Parit 7 to see the famous *kuah buluh* factory and Khind factory which manufactures electrical appliances.

They then proceeded to Redang Beach to watch the sunset, followed by seafood dinner at Secret Garden Restaurant which has been around since the 1960s.

The trip ended with a visit to the Sky Mirror jetty in Kuala Selangor, to watch the "blue tears", a natural night phenomenon caused by algae "Dinoflagellates" which glows in a magical blue hue.

The trip was jointly organised by Ng's service centre and the Sekinchan Tourism Development Association.



AKHBAR	THE SUN
TAJUK BERITA	DATUM JELATEK SET TO SHINE IN THE HEART OF KL
MUKA SURAT	10

# Datum Jelatek set to shine in the heart of KL

m/s -16 ➤ A transit-oriented residential and commercial development

**D**ATUM C O R P International, a wholly-owned subsidiary of Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) has announced an en bloc purchase of the residential component of the transit-oriented Datum Jelatek development.

MyAngkasa Az Zahra Sdn Bhd director Muhamad Shaharul Mohamad Shariff signed the sales and purchase agreement with DatumCorp International chairman Hajah Norita Mohd Sidek for the purchase of 379 units in Tower B and Tower C. The units will be placed under a Rent to Own (RTO) scheme.

The signing ceremony was witnessed by Selangor Menteri Besar Amirudin Shari, PKNS CEO Datuk Mohd Azizi Mohd Zain, and DatumCorp CEO Shytul Shahryn Mohamad Shaari.

With the en bloc purchase, 70% of the units for Datum Jelatek have been sold and the completion rate of construction is at 65%.

Datum Jelatek is DatumCorp International's RM1.2 billion transit-oriented integrated development that is directly connected to the Jelatek LRT station via a linkbridge from the mall. The award-winning development comprises 712 residential units spread over 5.65 acres of prime land, which is linked

KAN PERNIAGAAN

DATUM JELATEK

23

N.SHA

From left: Hajah Norita, Muhamad Shaharul, (back, left) Mohd Azizi, Amirudin, MyAngkasa president Datuk Haji Abdul Fattah Haji Abdullah and MyAngkasa executive director Ahmad Sharmin Zahari. —AMIRUL SYAFIQ MOHD DIN/THESUN

to a 319,000 sq ft four-storey retail mall.

The four residential towers - Daneeya, Ayaana, Basheera and Careema - is architectured to form a lily pad suspended within a ripple of water. Each of the towers has its own identity, unique design elements and is linked by Malaysia's first "skyring" circular podium on the 27th floor.

Prospective residents can select between generously sized studios, one-bedroom, two-bedroom and three-bedroom suites. The built-up size of the units range from 557 sq ft to 1,657 sq ft, and each unit is designed to exude luxury and sophistication.

Each residential unit comes with two to four car parks, based on the size of the units, compared to most

developments within the area, where only one car park is allocated. There is also six tiers of security, with each of the four towers having its own lobby and security checkpoint.

Facilities for the residents include a rock-climbing-area, private al-fresco lounge, synchronised fountain, a fully equipped audio and games room, a mini putting green, a library, a gym, and a BBQ area.